

MRT tingkatkan ekonomi

KUALA LUMPUR - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, pembukaan Transit Aliran Massa (MRT) sejak bulan lalu bukan sahaja memberi kemudahan pengangkutan bertaraf dunia kepada pengguna, malah turut meningkatkan ekonomi masyarakat.

Katanya, perkhidmatan MRT mampu memberi peluang perniagaan sama ada pembukaan perniagaan baharu ataupun memajukan perniagaan sedia ada.

“Sebagai contoh di daerah Kajang. Jika dahulu ramai yang menganggap Kajang sebagai daerah yang mati tetapi

kini dengan ada MRT, Kajang menjadi bertambah maju.

“Ia memberi peluang perniagaan yang baharu sekali gus melonjakkan peluang pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Jom Naik MRT dengan YB Menteri bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Program yang bermula dari Stesen MRT Muzium Negara dan berakhir di Stesen MRT Kajang itu membawa warga kementerian tersebut, SSM dan media meninjau operasi MRT selain memeriksa premis-premis perniagaan di setiap lokasi stesen.



HAMZAH melihat fasiliti MRT semasa membuat lawatan menaiki pengangkutan awam itu bersama kakitangan kementeriannya, SSM dan warga media di Stesen MRT Kajang semalam.